

18 JUN 2003

Umno-Kartun (Harakah)

PAS MAKHLUK PEROSAK, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz menyifatkan PAS hanyalah sebuah parti perosak kerana sering kali berprasangka buruk dan sebarang tindakannya tidak pernah berniat baik.

Mengulas mengenai penyiaran gambar kartun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhidungkan babi oleh lidah rasmi parti itu, Harakah, Rafidah berkata hanya pihak yang berfikiran sempit sahaja sanggup berbuat demikian.

"Itu kerja orang-orang yang minda sempit, kerja orang yang agaknya habis modal...agaknya tangan yang dijadikan tuhan untuk buat (kerja) macam tu," katanya kepada pemberita pada sidang media bersama tiga pemimpin sayap Umno - Wanita, Pemuda dan Puteri di sini, hari ini.

Akhbar Harakah dalam keluaran 16 hingga 30 Jun memaparkan lakaran karikatur yang menyiarkan karikatur menghina Perdana Menteri, dengan mengaitkan lakaran itu dengan masalah Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Lakaran bersebelahannya pula memaparkan karikatur seekor babi yang dikaitkan dengan Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS).

Sementara itu Ketua Pergerakan Puteri Umno, Azalina Othman Said berkata analogi yang mengaitkan Dr Mahathir dengan babi adalah sesuatu yang amat menghina.

Beliau berkata penyokong parti PAS pastinya tidak boleh menerima perkara itu jika analogi yang sama dikaitkan dengan pemimpin parti berkenaan.

"Saya rasa mungkin mereka akan bakar bangunan," katanya.

Pada sidang media selepas menggulung perbahasan persidangan Puteri, Azalina berkata lidah rasmi PAS itu telah berlaku kurang ajar dan lesen penerbitannya harus ditarik balik.

Sementara itu Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein ketika ditanya mengenai kemunculan sekumpulan lelaki berjaket hitam yang memaparkan label Pemuda Umno menegaskan kumpulan itu tiada kaitan dengan Pemuda Umno.

"Ibu pejabat Umno akan menjalankan siasatan mengenai kumpulan itu," katanya.

Semasa perasmian serentak persidangan Wanita, Pemuda dan Puteri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, kumpulan lelaki berjaket hitam itu kelihatan berkeliaran di PWTC dengan berlagak seolah-olah pengawal keselamatan kepada para pemimpin Umno yang menghadiri persidangan berkenaan.

Tindak tanduk kumpulan lelaki itu yang memakai jaket tertera "lambang dan nama Pemuda Umno" menimbulkan rasa kurang senang sebahagian pemimpin dan anggota Umno.

-- BERNAMA

MS LES KHY ROS MOZ